

Headline	Tanaman alternatif mampu jamin sekuriti makanan negara		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	05 Oct 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	7	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	274 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,043
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,129



Tanaman alternatif mampu jamin sekuriti makanan negara

Pengenalan beberapa varieti ubian baharu kurangkan kebergantungan kepada satu sumber tanaman makanan sahaja

KUALA TERENGGANU: Pengenalan sumber tanaman alternatif baharu seperti ubian yang tinggi nutrisi merupakan salah satu inisiatif yang mampu memastikan sekuriti makanan negara terjamin.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid berkata pengenalan beberapa varieti ubian baharu dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada satu sumber tanaman makanan sahaja.

Katanya, pemindahan kepakaran tanaman ubian kepada golongan sasaran khususnya petani juga dapat membantu menjana ekonomi golongan itu.

Dalam pada itu katanya cabaran pengukuhan sekuriti makanan dalam mendepani isu perubahan iklim menjadi teras dalam penyelidikan pertanian pintar iklim yang diterajui oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

“Sekuriti makanan adalah antara elemen utama digalas oleh MAFI dan dalam aspek penyelidikan, MARDI membantu kementerian secara berterusan bagi memastikan Tahap Sara Hidup (SSL) bagi makanan negara sentiasa berada pada tahap optimum,” katanya.

Haslina berkata demikian ketika berucap pada Simposium Agrobiodiversiti dan Agroperekitaran (A-BES) 2022 di sini, hari ini yang turut dihadiri Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Menurutnya selain giat



LANCAR: Haslina (dua kiri) pada gimik pelancaran buku bertajuk 'Crop Wild Relative' pada Perasmian Simposium Agrobiodiversiti dan Persekitaran di sebuah hotel di Kuala Terengganu semalam. Turut hadir, Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani (kiri). — Gambar Bernama

menjalankan pembangunan varieti padi, MARDI juga menjalankan kajian penilaian kesan-kesan perubahan iklim seperti suhu tinggi dan jerebu terhadap tanaman seperti jagung bijian, nanas dan betik serta penilaian terhadap serangga di tanah tinggi.

“Penyelidikan dan inovasi teknologi yang dirancang dan dijalankan di MARDI adalah untuk menyokong MAFI dan agensi berkaitan seperti Kementerian Alam Sekitar dan Air dan lain-lain agensi dalam menyusun strategi adaptasi dan mitigasi sektor pertanian terhadap perubahan iklim,” katanya.

Sementara itu Mohamad Zabawi berkata A-BES 2022 bertemakan “Agrobiodiversiti Pemacu Sekuriti

“Sekuriti makanan adalah antara elemen utama digalas oleh MAFI dan dalam aspek penyelidikan, MARDI membantu kementerian secara berterusan bagi memastikan Tahap Sara Hidup (SSL) bagi makanan negara sentiasa berada pada tahap optimum.”

Datuk Haslina Abdul Hamid
Ketua Setiausaha MAFI

Makanan” merupakan anjuran bersama MARDI, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA).

Menurutnya simposium itu memfokuskan kepada sekuriti makanan dalam

mendepani cabaran global, pengurusan agroperekitaran dalam mendepani cabaran perubahan iklim, kelestarian tanaman ubian untuk sekuriti makanan dan pengurusan ekosistem serta kawalan biologi untuk pertanian lestari. — Bernama